

SINAR HARIAN, 16 JUN 2023

DBKL tarik balik lesen perniagaan disalah guna

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menarik balik lesen perniagaan penjaja yang memberikan lesen berkenaan kepada pihak lain, termasuk warga asing.

Beliau berkata, pihaknya bersama DBKL sedang merangka kaedah bagi memastikan peraturan tersebut dipatuhi, dalam memastikan ia memberi manfaat kepada peniaga tempatan.

"Saya ada rencana dengan Datuk Bandar (Kuala Lumpur) dan Pengarah (Pengurusan Tertinggi DBKL), untuk cari jalan (bagi memastikan penjaja) ikut peraturan dan lesen diberikan kepada penduduk tempatan.

"Kalau dia (penjaja) serah kepada yang lain, kita akan tarik balik (lesen)," katanya kepada pemberita selepas sesi Temu Mesra Perdana Menteri di Pusat Penjaja Madani di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini.

Perdana Menteri turut mengulangi iltizam untuk menaik taraf fasiliti dan imej ibu kota termasuk gerai penjaja, demi keselesaan rakyat.

"Ada beberapa kawasan pembersihan air, (saliran) parit, dan bumbung, yang akan kita perbaiki segera pada tahun ini juga," katanya.

Sebelum ini, Anwar berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) terutama di kawasan bandar, perlu menyediakan kemudahan infrastruktur yang selesa kepada penjaja dan peniaga kecil, agar mereka menjalankan perniagaan dengan kondusif.

Beliau berkata, kemudahan itu perlu disediakan, memandangkan kumpulan berkenaan juga turut menjadi penyumbang kepada ekonomi negara, menerusi perniagaan yang dijalankan.

Terdahulu Anwar meluangkan masa kira-kira 40 minit meninjau, beramah mesra dan ber-sarapan bersama penjaja di Pusat Penjaja Madani di Jalan Tuanku Abdul Rahman yang telah dinaik taraf menerusi inisiatif Lestari Niaga @ Kuala Lumpur. - *Bernama*